



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN
SOSIAL DAN KETAHANAN DIRI DALAM
KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KAUNSELING
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

MUHAMMAD SYAHIR BIN SHAHAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN
SOSIAL DAN KETAHANAN DIRI DALAM
KALANGAN PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KAUNSELING
DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

MUHAMMAD SYAHIR BIN SHAHAR



**PROJEK TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**





PENGESAHAN

Projek Tahun Akhir ini telah diterima dan diluluskan untuk memenuhi syarat kursus KKR3996, kertas projek bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengesahan Penyelia Projek Tahun Akhir



(Dr Md Noor Bin Saper)

Tarikh: / / 2023



PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa segala karya yang terkandung di dalam hasil karya saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.

Tandatangan :

Nama : Muhammad Syahir Bin Shahr

No. Matrik : D20182086524

Tarikh : / / 2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونڤرستېتي قنډيدين سلطان ادرېس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN PROJEK TAHUN AKHIR

Perakuan ini telah dibuat pada 8 Februari 2023.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, Muhammad Syahir Bin Shahr (D20182086524) daripada Fakulti Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Hubungan Antara Sokongan Sosial Dan Ketahanan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa Bimbingan Dan Kaunseling Di Sebuah Universiti Awam adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar :

Tarikh : 8 Februari 2023

Nama pelajar : Muhammad Syahir Bin Shahr



ii. Perakuan Penyelia

Saya, Dr Md Noor Bin Saper dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ubungan Antara Sokongan Sosial Dan Ketahanan Diri Dalam Kalangan Mahasiswa Bimbingan Dan Kaunseling Di Sebuah Universiti Awam dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dengan Kepujian.

Tandatangan penyelia :

Tarikh :

Nama penyelia : Dr Md Noor Bin Saper

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah Tuhan yang mentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ. Syukur Alhamdulillah kepada Allah kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya memberikan kekuatan, kesihatan yang cukup, masa serta kematangan akal fikiran untuk saya menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan buat pensyarah-pensyarah ISMP Bimbingan dan Kaunseling yang membantu saya iaitu Dr. Fauziah Hanim binti Jalal. Seterusnya penyelia kajian saya iaitu Dr. Md Noor Bin Saper dan ramai lagi individu atas segala keprihatinan, jasa baik dan tunjuk ajar sepanjang saya mengendalikan dan menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Semoga diberkati kehidupan kalian didunia dan diakhirat serta dirahmati oleh-Nya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap sokongan sosial dengan tahap ketahanan diri dalam kalangan pelajar kaunseling semester 1 dan 2. Kajian ini melibatkan pelajar universiti seramai 55 orang responden yang terdiri daripada pelajar kaunseling semester 1 dan 2. Alat ujian yang digunakan bagi mengumpul data ialah Inventori Skala Multidimensi Sokongan Sosial (Multidimensional Scale of Perceived Social Support) dan Inventori Skala Tahap Ketahanan Diri (The Resilience Scale). Kajian ini berbentuk analisis deskriptif dan analisis inferensi dan menggunakan analisis kolerasi dan juga analisis ujian-t. Analisis kolerasi Pearson digunakan dalam kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kedua-dua pembolehubah, manakala analisis Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan pemboleh ubah mengikut jantina. Kaedah menganalisis data, pengkaji menggunakan 'Statistic Package for Science Sosial' (SPSS).

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between social support levels and the level of self-esteem among semester 1 and 2. Students in semester and 2. This study involved university students 55 respondents consisting of Semester 1 and 2. test tools used to collect data is a multidimensional scale of perceived social support and a resilience scale. This study is in the form of descriptive analysis and inference analysis and uses correlation analysis as well as t-test analysis. The Pearson correlation analysis used in this study was to look at the relationship between the two variables, while the t-test analysis was used to see the difference in variables by gender. Methods of analyzing data, researchers use 'Statistic Package for Science Soscial' (SPSS).



ISI KANDUNGAN

Perkara

Halaman

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

KANDUNGAN

v

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 13

1.5 Persoalan Kajian 13



1.6 Hipotesis Kajian



14

1.6.1 Hipotesis 14

1.7 Kerangka Konseptual 16

1.8 Definisi Terminologi 23

1.8.1 Tahap Sokongan Sosial 23

1.8.2 Tahap Ketahanan Diri 25

1.8.3 Pelajar 26

1.10 Skop dan Limitasi Kajian 28

1.11 Rumusan Bab 30

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 31





2.2	Pendekatan Teoretikal	32
2.2.1	Teori Sokongan Sosial	32
2.2.2	Teori Ketahanan Diri	35
2.3	Kajian Literatur	38
2.3.1	Tahap Sokongan Sosial	38
2.3.2	Tahap Ketahanan Diri	43
2.3.3	Tahap Sokongan Sosial dan Tahap Ketahanan Diri	47
2.4	Rumusan Bab	51

BAB III METODOLGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	52
3.3	Lokasi Kajian	54
3.3.1	Persampelan	56
3.3.2	Proses Pemilihan dan Pengumpulan Data Responden	59
3.4	Instrumen Kajian	61





3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahanan Alat Instrumen	68
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	69
3.7	Analisis Data	71
3.8	Rumusan Bab	23

Rujukan

Lampiran





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pada bahagian pendahuluan ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kesignifikanan kajian, definisi terminologi, definisi konseptual, definisi operasional, skop dan limitasi kajian dan rumusan bab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Smith dan Zhang (2009) dalam kajian Zaiton Mohamad dan Balan Rathakrishnan (2014), sokongan sosial adalah bantuan dari segi emosi, kewangan, persekitaran dan sebagainya daripada orang-orang yang terdekat serta dipercayai. Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang terdekat adalah seperti ibu bapa, rakan-rakan, guru-guru dan selainnya. Menurut Karademas (2006) dalam kajian Mahirah Masdin,



Balan Rathakrishnan dan Getrude Cosmas (2018), sokongan sosial juga berperanan sebagai pengantara dalam memberikan pengaruh optimistik kepada kebahagiaan. Selain itu, menurut Gurung (2006), sokongan sosial bermaksud pengalaman yang berkaitan penghargaan, perhatian, kasih sayang dan menurut Stroebe, Jonas & Hewstone (2003), sokongan sosial adalah tingkah laku yang membantu dalam hubungan sosial.

Hubungan sosial ini melibatkan semua lapisan masyarakat serta melibatkan semua lapisan umur tidak kira daripada umur kanak-kanak sehingga umur warga emas. Maka, setiap lapisan juga memerlukan sokongan sosial dalam menjalani kehidupan ini. Menurut Mazlili (2013), peningkatan kes jenayah dalam kalangan pelajar sangat membimbangkan buat seluruh masyarakat dan rakyat Malaysia. Kes-kes jenayah yang dimaksudkan adalah seperti kes buli, kes peras ugut, seks bebas, kes rogol, penyalahgunaan bahan seperti dadah dan lain-lain. Kes-kes jenayah seperti ini sangat-sangat memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran seseorang pelajar itu kerana kes-kes jenayah tersebut boleh menyebabkan fokus pelajar tersebut terhadap pembelajaran itu akan terganggu. Untuk mengelak daripada semua perkara ini berlaku, maka sokongan positif daripada keluarga dan rakan-rakan sangat diperlukan. Hal ini kerana, penyebab sesuatu masalah itu berlaku kerana kurangnya sokongan yang positif daripada keluarga dan rakan-rakan.

Seterusnya, menurut Zarinah Arshat dan Rozana Japara (2018), ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting dalam melibatkan diri dan memberi sokongan terhadap anak-anak yang berada pada peringkat remaja. Peringkat remaja adalah peringkat yang paling berisiko untuk terdedah dengan gejala negatif. Disebabkan itu, remaja sangat memerlukan sokongan sosial daripada ibu bapa, rakan-rakan, guru-guru dan orang-orang sekeliling untuk menghadapi cabaran hidup yang penuh dengan liku dan mengelakkan diri daripada terjerumus dalam kancah negatif. Menurut Haughton (1995) dalam kajian Muhammad Ashraf Zakaria, Faudziah Yusof dan Suhaya Deraman (2019), fasa remaja adalah fasa perubahan dari sudut emosi dan fizikal yang dapat

memupuk perasaan ketidakpastian dalam diri seseorang remaja itu sendiri. Fasa remaja ini adalah fasa permulaan untuk seseorang itu menjadi matang dari sudut gaya pemikiran dan tingkah laku dalam menyelesaikan sesuatu isu atau masalah. Dalam menghadapi pelbagai situasi, secara tidak langsung dapat mengasah kematangan dan menjadikan seseorang itu bijak dalam mengurus emosi.

Menurut Nestmeann dan Hurrelmann (1994) dalam kajian Muhammad Ashraf Zakaria, Faudziah Yusof dan Suhaya Deraman (2019), remaja berhajat kepada sokongan sosial daripada ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan, rakan sekelas di sekolah dan orang di sekelilingnya dalam membantu mereka menempuhi cabaran hidup. Sokongan yang diberikan ini dapat menjamin peningkatan dan perlindungan kesihatan remaja melalui psikologikal hidup remaja apabila remaja menghadapi gangguan konflik dalam kehidupan. Malahan mampu memberi pertambahan penghargaan sendiri, nilai dan keyakinan diri serta kesejahteraan dalam kehidupan. Menurut Hall, L.A, Williams, C.A., dan Greenberg, R.S. (1985) dalam kajian Rohany Nasir et al. (2016), sokongan sosial adalah antara faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi yang lebih baik untuk mengelakkan daripada kesunyian dan kemurungan. Kekurangan sokongan sosial dalam kalangan ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling akan mendedahkan individu kepada kemurungan.

Disebabkan itu, sokongan sosial ini tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat kerana sokongan sosial ini sangat diperlukan manusia lebih-lebih lagi pada fasa remaja yang mana berisiko untuk terdedah kepada kecelaruan dalam kesejahteraan mental. Kekurangan dari sudut sokongan sosial antara salah satu penyebab kepada kemurungan yang mana kemurungan ini adalah salah satu kecelaruan mental yang sangat membimbangkan kerana jika ia tidak dibendung terlebih awal, akan mendorong seseorang itu untuk membunuh diri. Sebahagian daripada orang yang menghadapi kemurungan berpendapat bahawasanya membunuh diri adalah jawapan atau penyelesaian bagi semua masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Sedangkan,



membunuh diri bukanlah jalan yang terbaik dalam menyelesaikan masalah, bahkan perbuatan membunuh diri ini juga bertentangan dengan agama kerana menzalimi diri.

Menurut Sorribas, Vila Banos dan Marin Gracia (2014) dalam kajian Mahirah Masdin, Balan Rathakrishnan dan Getrude Cosmas (2018), menyatakan sokongan sosial yang diberikan dalam bentuk emosi, bimbingan atau material, kesemua sokongan tersebut dapat membantu dalam membentuk penyesuaian dalam keadaan persekitaran serta meningkatkan kesejahteraan. Sokongan sosial berbentuk emosi adalah penting bagi mengekalkan kesejahteraan mental bagi seseorang individu kerana bukan setiap masa seseorang itu berada dalam keadaan yang sejahtera dari sudut emosi bahkan adakalanya seseorang individu itu berasa sedih disebabkan sesuatu peristiwa yang menyedihkan. Selain itu sokongan sosial yang berbentuk bimbingan juga perlu diberikan kepada sesiapa yang memerlukan kerana ini memudahkan seseorang yang sangat-sangat memerlukan kepada bantuan dari sudut bimbingan.



Menurut Greene (2002) dalam kajian Siti Hajar Kamaruddin et al. (2016) perkataan ketahanan diri atau resiliensi berasal daripada perkataan Latin iaitu *resiliens* yang mana ia merujuk kepada suasana atau keadaan yang mudah untuk dilentur dan elastik. Menurut Masten, Best dan Garmezy (1990) dalam kajian Irmohizam Ibrahim dan Muhammad Hussin (2016), ketahanan diri bermaksud satu proses, kapasiti atau hasil kejayaan yang diadaptasikan walaupun berada dalam satu suasana yang mencabar dan mengancam. Suasana yang mencabar dan mengancam itu dapat menguji ketahanan diri seseorang individu apabila menghadapinya. Menurut Jackson, Firtko dan Edenborough (2007) dalam kajian Lin Wang, Hong Tao, Roger Brown, Barbara J. Bowers dan Yaqing Zhang (2017), menyatakan ketahanan diri bermaksud kitaran, sistem, proses dan diklasifikasikan sebagai kualitatif. Merujuk kepada kenyataan tersebut, ketahanan diri ini melibatkan proses atau sistem yang mana sejauh mana seseorang itu dapat bertahan dalam keadaan yang mencabar dan sukar.



Menurut Oswald, Johnson, dan Howard (2003) dalam kajian Salmi Osman et al. (2015), ketahanan diri adalah keupayaan seseorang itu dalam mengatasi kelemahan yang ada pada peribadi dan tekanan yang berada disekelilingnya serta mempunyai keupayaan untuk bangkit semula (*bounce back*) dalam menempuhi risiko dan mengekalkan kesejahteraan diri. Menurut Siebert (2005) dalam kajian Fauziah Ibrahim, Nazirah Hassan, Werdi Werdana dan Agus Salim (2018) menyatakan dalam kajiannya bahawasanya ketahanan diri adalah kebangkitan semula bagi seseorang individu daripada kehidupan yang sukar. Selain itu, Shatte dan Reivich (2002) dalam kajian Siti Hajar Kamaruddin et al. (2016), pula menyatakan bahawa ketahanan diri itu bermaksud kemampuan untuk seseorang individu itu untuk bertahan, bangkit dan menyesuaikan diri dengan suasana yang dianggap mencabar oleh individu tersebut. Mereka juga berpandangan bahawasanya ketahanan diri adalah keupayaan dalam memberi tindak balas yang positif dan membina semasa menghadapi kesusahan atau trauma yang mana keupayaan ini sangat diperlukan dalam menghadapi tekanan hidup dalam seharian. Ini menunjukkan bahawasanya ketahanan diri juga sebahagian daripada elemen kehidupan yang mana seseorang itu harus ada dalam dirinya kerana ketahanan diri yang tinggi, maka agak sukar untuk menghadapi tekanan dalam seharian. Setiap hari mempunyai tekanan yang berbeza, maka perlu mempunyai ketahanan diri yang berterusan agar dapat menghadapi tekanan tanpa merasai tekanan yang tinggi. Menurut Mairean dan Turliuc (2011) dalam kajian Azman et al. (2014), beberapa penyelidik memberi definisi bahawa ketahanan diri sebagai kebolehan atau keupayaan seseorang individu dalam menempuhi kesukaran serta bangkit daripada cabaran hidup yang membelenggu seseorang itu dalam kehidupan.

Seterusnya, Russell dan Russell (2006) dalam kajian Siti Hajar Mohd Yusof, Nor Shakirah Azizan dan Siti Fatimah Salleh (2018), menyatakan bahawa ketahanan diri bermaksud keupayaan seseorang individu untuk pulih atau menyesuaikan diri untuk menempuhi sesuatu ujian atau perubahan atau dalam erti kata yang lain ialah kemampuan untuk seseorang individu itu untuk pulih kembali setelah kesusahan atau tekanan dalam menelusuri kehidupan. Mereka juga menyatakan bahawasanya ketahanan

diri itu juga bermaksud keupayaan seseorang itu dalam berfikir yang mana berdasarkan keupayaan itulah yang akan memberi kesan terhadap cara individu dalam melihat diri dan dunia di sekelilingnya. Selain itu, tingkah laku yang produktif juga dibentuk atau sebaliknya untuk menghadapi sesuatu tekanan yang dihadapi. Setelah seseorang itu menghadapi cabaran atau kesusahan dalam kehidupan maka seseorang itu mengambil masa untuk pulih daripada keadaan yang sebelumnya yang berada dalam kesusahan. Perlu ada kesabaran dalam tempoh masa untuk pulih kembali ke arah yang lebih positif. Menurut Comstock (2005) dalam kajian Fauziah Ibrahim et al. (2018), menyatakan seseorang individu yang mempunyai ketahanan diri yang tinggi merupakan seseorang yang mempersembahkan kualiti diri dalaman yang terbaik sehingga dapat membantu seseorang dalam mencapai kejayaan walaupun terpaksa dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran, halangan serta rintangan.

Menurut Marini Kasim dan Nor Shafrin Ahmad (2019), ketahanan diri secara umumnya menerangkan tentang kemampuan seseorang itu dalam menempuhi tekanan atau trauma sepanjang menjalani kehidupan dan berjaya dalam menyesuaikan diri secara positif terhadap persekitaran dan kesusahan yang dihadapi. Ketahanan diri ini membezakan antara individu dengan individu yang lain yang mana setiap individu mampu untuk bertahan walaupun terpaksa menghadapi liku-liku dalam kehidupan, manakala, individu yang tidak mampu bertahan dalam kehidupan akan mengalami kehidupan yang tidak sejahtera. Menurut Snyder dan Lopez (2007) dalam kajian Marini Kasim dan Nor Shafrin Ahmad (2019), menyatakan dalam kajian mereka bahawasanya fenomena ketahanan diri adalah daripada salah satu aspek dalam psikologi yang positif iaitu pendekatan saintifik yang digunakan untuk menambah kekuatan dan nilai-nilai positif bagi manusia. Seseorang individu hanya akan diklasifikasikan mempunyai ketahanan diri sehinggalah mereka diuji dengan risiko atau ancaman dalam kehidupan mereka.



Menurut Johnson dan Wiechelt (2004) dalam kajian Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah dan Turiman Suandi (2016), berkaitan ketahanan diri atau resiliensi telah dilaksanakan oleh para pengkaji apabila wujudnya suasana atau keadaan yang mana terdapat seseorang individu itu membangun ke arah yang lebih positif tanpa terlibat dengan tingkah laku yang berbau negatif walaupun menghadapi dengan suasana atau keadaan yang berisiko. Menurut Siti Hajar Kamaruddin et al. (2016), dalam catatan sejarah awal menunjukkan bahawasanya kajian tentang ketahanan diri adalah melibatkan kajian longitudinal ke atas kanak-kanak yang dilahirkan dalam suasana atau keadaan yang miskin. Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan menunjukkan bahawasanya kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga yang menghadapi kemiskinan, juga tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan kerana pada fasa umur mereka ini banyak keperluan yang perlu dipenuhi demi meneruskan keberlangsungan dalam kehidupan. Keperluan yang dimaksudkan adalah pendidikan, keperluan fisiologi seperti tempat tinggal, pakaian, makanan dan minuman. Kesemua keperluan ini perlu dipenuhi dalam kehidupan kanak-kanak agar mereka tidak terjebak dalam kancas yang negatif seperti gejala sosial dan tingkah laku yang devian.

Menurut Lawrence dan Anthony (2009) dan kajian Taylor (2013) dalam kajian Salmi Osman et al. (2015), menyatakan ketahanan diri adalah komponen yang sangat penting dan sangat diperlukan oleh setiap orang guru dalam menghadapi cabaran dan perubahan yang sentiasa mendatang untuk terus kekal dalam profesion sebagai seorang guru. Ketahanan diri seseorang guru dapat dipertingkatkan dengan cara apabila seseorang guru itu mampu menilai situasi yang negatif serta menyedari pilihan dalam menangani dan mencapai jalan penyelesaian yang sesuai dalam menyelesaikan masalah. Ketahanan diri bukan hanya diperlukan oleh remaja sahaja, bahkan ketahanan diri juga terlibat dalam profesion perguruan yang mana mereka ini mempunyai cabaran yang lebih jauh tinggi dalam mendidik anak bangsa. Pada zaman sekarang ini, cabaran banyak datang daripada pelajar sekolah sendiri menyebabkan sebahagian guru mengalami tekanan sehinggakan ada yang mengalami depresi yang teruk.





Menurut Luthar et al. (2000) dalam kajian Xiancai Cao, Chongming Yang dan Dahua Wang, (2018), penyelidikan yang telah dijalankan menunjukkan bahawa sokongan sosial dan ketahanan diri juga berfungsi bersama-sama dalam proses pemulihan. Sebagai contoh, sokongan sosial adalah perkara yang penting dalam menjaga kesihatan fizikal dan psikologi yang baik ketika berada dalam persekitaran yang berisiko dan sokongan sosial dapat membantu seseorang individu itu untuk mengembangkan daya ketahanan diri. Menurut Koelmel, Hughes, Alschuler dan Ehde (2016) dalam kajian Xiancai Cao, Chongming Yang dan Dahua Wang, (2018), satu kajian yang dijalankan mendapati bahawa ketahanan diri menjadi pengantara yang menghubungkan antara sokongan sosial dan kesihatan mental dalam kalangan orang yang mengalami penyakit fizikal. Menurut Xiancai Cao, Chongming Yang dan Dahua Wang (2018), sokongan sosial dan ketahanan diri dipilih sebagai faktor perlindungan bagi interpersonal dan intrapersonal dan adalah wajar untuk membuat hipotesis bahawa ketahanan diri memainkan peranan yang besar sebagai pengantara yang menghubungkan antara sokongan sosial dan kesihatan mental.



1.3 PENYATAAN MASALAH

Menurut Sharma dan Kaushik (2016) dalam kajian Zarina Arshat dan Rozana Japara (2018), para pengkaji yang terdahulu berpendapat bahawa sokongan sosial mampu untuk mengurangkan dan mencegah tekanan yang dialami oleh seseorang individu. Menurut Lakey dan Cohen (2000) dalam kajian Zarina Arshat dan Rozana Japara (2018), seseorang yang mempunyai sokongan sosial yang tinggi dapat mengurangkan masalah yang berkaitan dengan psikologi dalam kehidupan seseorang remaja. Menurut Eskin (2003) dalam kajian Zarina Arshat dan Rozana Japara (2018), kajian yang telah dijalankan olehnya mendapati bahawa seseorang yang mempunyai sokongan sosial yang rendah sangat berhubung kait dengan masalah psikologi seperti kesunyian, kemurungan dan ketakutan. Menurut Calvete dan Connor-Smith (2006) dalam kajian



Zarina Arshat dan Rozana Japara (2018), menyatakan sokongan sosial yang tinggi daripada rakan-rakan dan keluarga dapat membantu dalam mengurangkan masalah yang berkaitan dengan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah. Berdasarkan kepada kata-kata yang telah disebutkan oleh para pengkaji yang terdahulu yang berkaitan dengan sokongan sosial, menunjukkan bahawa jika seseorang itu mempunyai sokongan sosial yang rendah, maka, akan mendorong seseorang ke arah mempunyai masalah psikologi seperti kemurungan dan lain-lain. Menunjukkan pentingnya sokongan sosial berperanan sebagai agen yang membawa kesejahteraan dalam kehidupan seseorang.

Menurut Gowers (2005) dalam kajian Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail dan Norizan Hassan (2018), peratusan bagi remaja yang mengalami kecelaruan dari sudut psikologikal yang sangat teruk akibat kesan daripada masalah yang dihadapi adalah lebih kurang dalam 15%. Menurut *World Health Organization* (2008) dalam kajian Faizah Mat Isa, Rozmi Ismail dan Norizan Hassan (2018), menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 20% daripada kalangan remaja yang akan menghadapi beberapa bentuk kecelaruan mental seperti kecelaruan mood, tingkah laku cubaan membunuh diri, kemurungan, kecelaruan pengambilan makanan dan penyalahgunaan bahan seperti dadah. Berdasarkan kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Badan Sedunia, menunjukkan bahawa sokongan sosial yang positif daripada keluarga dan kawan-kawan adalah sangat-sangat penting kerana sokongan sosial yang positif mampu untuk membantu seseorang daripada terlibat daripada kecelaruan psikologikal yang negatif. Menurut Asrizal Aris (2017), dicatatkan dalam statistik tentang pertambahan sebanyak 29.2 % atau 4.2 juta rakyat Malaysia yang berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah yang berkaitan dengan kesihatan mental berbanding tahun 2006 yang hanya mencatatkan 11.2 %. Termasuk daripada kesihatan mental tersebut adalah kemurungan yang dialami oleh remaja. Kata seorang Pakar Perunding Psikiatri Hospital Selayang, Dr Nor Hayati Ali, jika penyakit itu tidak dicegah terlebih awal, menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menganggarkan jumlah mangsa boleh mencecah lebih daripada 300 juta orang di seluruh dunia. sokongan sosial yang rendah akan mendorong seseorang untuk mendapat kemurungan.



Menurut Jamie (2011) dan Rozmi (2015) dalam kajian Siti Hajar Mohamad Yusoff dan Yahya Don (2017), menyatakan bahawa masalah tingkah laku yang serius dalam kalangan pelajar perlu ditangani dengan langkah-langkah yang lebih proaktif, terutama sekali adalah dengan memberi penumpuan terhadap faktor-faktor psikologi yang secara tidak langsungnya dapat meningkatkan ketahanan diri bagi setiap individu pelajar contohnya seperti faktor kekeluargaan. Menurut Mazlili Suhaini (2013) dalam kajian Siti Hajar Mohamad Yusoff dan Yahya Don (2017), apabila tidak ditangani dengan sewajarnya, berbagai-bagai isu tingkah laku yang dipandang remeh ini mungkin akan menyebabkan berlakunya tingkah laku devian yang mampu mendatangkan masalah yang besar kepada masyarakat dan negara pada masa hadapan. Contohnya, seperti peningkatan kes jenayah yang melibatkan pelajar seperti kes buli, ketagihan dadah, peras ugut, rogol, seks bebas, dan membunuh telah memadai sebagai mendatangkan kebimbangan kepada seluruh masyarakat di Malaysia.



Menurut Noran Fauziah et al. (2009) dalam kajian Siti Hajar Mohamad Yusoff dan Yahya Don (2017), menyatakan bahawasanya pelajar yang tidak mempunyai ketahanan diri yang tinggi berkecenderungan untuk berfikir dan bertindak laku ke arah yang salah atau negatif. Menurut Mohammad Rizan Hassan (2019), remaja adalah golongan yang sangat mudah dipengaruhi oleh elemen negatif kerana sifat semula jadi yang terdapat pada remaja yang sentiasa mencari identiti sendiri, mudah terikut-ikut dengan gaya cara budaya arus 'moden', juga sentiasa diselubungi dengan sifat ingin tahu yang tinggi, ingin mencuba sesuatu yang baru serta berani mengambil risiko. Pengaruh positif atau baik pula agak lambat untuk diterima oleh remaja kerana ia lebih menekankan kepada disiplin, ketahanan diri, kerajinan dan hanya akan mendapat hasil dan manfaat selepas berusaha tekun, gigih dan bersabar. Kesedaran tentang kepentingan untuk membentuk akhlak dan nilai positif dalam diri dikalangan remaja, kita sebagai orang yang dewasa dan rakan sebaya sewajarnya bersedia dalam memberi dorongan dan bimbingan yang berterusan dalam membangunkan remaja yang sihat lagi cemerlang. Pendidikan sepanjang hidup, ketinggian akhlak dan rohaniah serta kemahiran untuk





menghadapi cabaran era pembangunan yang baharu adalah kekuatan paling penting dan sangat perlu untuk dimiliki oleh setiap individu, remaja mahupun dewasa.

Menurut Baharom Mohamad et al. (2008), Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, (2009) dalam kajian Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A. Shukor (2016), masalah gejala sosial yang berlaku di Malaysia ini tidak boleh dipandang remeh kerana hari demi hari, gejala sosial ini semakin rancak merebak, melarat, bahkan sudah menjadi lumrah dalam dunia pendidikan. Masalah sosial dalam kalangan pelajar semakin meruncing dan juga merunsingkan masyarakat. Keadaan ini telah dibuktikan dengan statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2010 dalam kajian Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A. Shukor (2016), statistik ini menerangkan bilangan kes terbaru bagi pesalah muda mengikut jenis kesalahan, kumpulan etnik dan jenis jantina. Dilihat pada jadual statistik 1.1, statistik ini menjelaskan bilangan kes terbaru bagi pesalah muda yang terlibat dalam kegiatan jenayah bagi harta benda, dadah, sabit manusia, lalu lintas, senjata atau bahan api, akta kesalahan kecil, judi, melanggar syarat pengawasan dan lain-lain.



Jadual 1.1 Bilangan Kes Baru Pesalah Muda Mengikut Jenis Kesalahan, Kumpulan Etnik Dan Jantina, 2010

Jenis Kesalahan	M		C		I		PSm		PSb		PSw		L		J	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Harta Benda	819	29	20	3	91	2	1	0	75	2	14	1	6	3	1026	40
Dadah	361	32	52	6	43	0	0	0	93	8	1	1	4	0	554	47
Sabit Manusia	144	4	12	0	26	0	1	1	18	0	9	0	2	1	212	6
Lalu lintas	148	3	7	0	19	0	0	0	1	0	3	0	0	0	178	3
Senjata/Bahan Api	33	0	4	0	6	1	0	0	16	0	0	0	0	0	59	1
Akta Kesalahan Kecil	9	0	0	0	4	0	0	0	1	0	0	0	0	0	14	0
Judi	7	0	1	1	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	12	
Melanggar Syarat Pengawasan	45	2	2	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	51	2
Lain-lain	275	11	41	0	21	0	0	0	17	11	0	0	5	0	359	22
Jumlah	1841	81	139	10	218	3	2	1	221	21	27	2	17	4	2465	122

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2010

Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010) dalam kajian Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A. Shukor (2016), berdasarkan jadual di atas, terdapat tujuh kumpulan etnik yang dikategorikan. Kategori yang terlibat adalah melibatkan Kaum Melayu (M), Kaum Cina (C), Kaum India (I), Peribumi Semenanjung (PSm), Peribumi Sabah (PSb), Peribumi Sarawak (PSw) dan lain-lain (L). Jadual 1.1 menunjukkan bilangan etnik melayu adalah bilangan etnik yang mendominasi setiap jenis kesalahan yang berlaku di Malaysia. Perkara ini menunjukkan masalah sosial terlalu dekat kepada bangsa melayu yang mana ia menjadi suatu kerisauan yang amat sangat jika tidak dicegah terlebih awal. Jadual berikutnya penagihan dadah belum lagi dapat diatasi oleh masyarakat pada hari ini. Walaupun kerajaan sudah melaksanakan pelbagai bentuk usaha dalam membasmi dadah, masalah ini terus berlaku dan berlaku sehingga kini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian, penyelidik telah menetapkan objektif kajian iaitu :-

- 1.4.1 Mengenal pasti hubungan antara sokongan sosial dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.
- 1.4.2 Mengenal pasti perbezaan sokongan sosial mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.
- 1.4.3 Mengenal pasti perbezaan ketahanan diri mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah berdasarkan kepada objektif kajian tersebut iaitu :-

- 1.5.1 Adakah terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam ?
- 1.5.2 Apakah perbezaan sokongan sosial mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam ?

1.5.3 Apakah perbezaan ketahanan diri mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam ?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Beberapa hipotesis telah dibina oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina oleh penyelidik. Skop kajian ini difokuskan kepada pelajar institusi pengajian tinggi. Hipotesis yang berkaitan adalah sepertimana yang tertera di bawah :-

1.6.1 HIPOTESIS SATU

 05-4506832 **Ha :** Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan ketahanan diri dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.



1.6.2 HIPOTESIS DUA

Ha : Terdapat perbezaan bagi sokongan sosial mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.

1.6.3 HIPOTESIS TIGA

Ha : Terdapat perbezaan bagi ketahanan diri mengikut faktor jantina dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam.






1.7 KERANGKA KONSEPTUAL

Melalui kajian ini, penyelidik juga melihat tindak balas dan mengukur sokongan sosial yang diambil daripada soal selidik Multidimesi Sokongan Sosial yang mana soal selidik ini telah diasaskan oleh Zimet, Dahlem, Zimet dan Farley (1988) yang merangkumi dua struktur utama iaitu sokongan teman dan sokongan keluarga. Manakala, untuk mengukur ketahanan diri pula diambil daripada soal selidik yang telah diasaskan oleh Gail M. Wagnild dan Heather M. Young (1987) yang mana dalam soal selidik ini merangkumi empat struktur utama iaitu ketahanan kekuatan diri, ketahanan mengurus diri, ketahanan emosi dan ketahanan optimis. Pada yang sama, penyelidik juga menjelaskan kedua-dua pemboleh ubah, sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun tidak. Ini dapat dilihat dengan lebih mendalam melalui rajah 1.1 kerangka konsep di bawah.



Rajah 1.1 Kerangka Konsep



Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep yang digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji tentang pemboleh ubah yang mana pemboleh ubah merangkumi dua iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah yang bersandar dalam kajian ini, adalah ketahanan diri dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian), manakala, pemboleh ubah yang tidak bersandar ialah sokongan sosial.

1.8 KESIGNIFIKAN KAJIAN

Penyelidik menyatakan kesignifikan atau kepentingan kajian terhadap masyarakat, remaja dan institusi kekeluargaan sepertimana yang tertera di bawah :-



1.8.1 MASYARAKAT

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), masyarakat bermaksud sekumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan mengikut peraturan dan cara yang tertentu. Masyarakat merupakan sebuah komuniti yang terdiri daripada ramai manusia dan hidup bersama. Apabila hidup bersama, maka perlu diberi perhatian tentang kepentingan sokongan sosial dan ketahanan diri lebih masyarakat yang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan remaja. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa sangat penting untuk seseorang itu cakna tentang perkara yang melibatkan sokongan sosial dan ketahanan diri kerana pada zaman sekarang, banyak isu negatif yang berlaku dalam ruang lingkup masyarakat.

Disebabkan itu, masyarakat tidak sepatutnya memandang remeh terhadap perkara ini kerana ia melibatkan kesejahteraan psikologikal seseorang dan kesejahteraan psikologikal adalah keperluan bagi seseorang dalam menempuhi kehidupan. Penyelidik bagi kajian ini mengharapkan hasil kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja kerana pada usia mereka ini mudah terjebak serta terpengaruh dengan gejala-gejala yang negatif yang berpotensi merosakkan tingkah laku serta dapat memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologikal seseorang. Penyelidik juga berharap agar masyarakat dapat memberi perhatian sepenuhnya terhadap perkara ini kerana perkara ini juga dapat membantu kanak-kanak dan remaja membesar dalam persekitaran yang sihat atau positif yang mana bebas daripada suasana yang negatif yang boleh memberi kesan buruk.



1.8.2 REMAJA

Walaupun kajian tentang sokongan sosial dan ketahanan diri telah banyak dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia tetapi masih belum ramai penyelidik yang menjalankan kajian tentang sokongan sosial dan ketahanan diri di sekolah sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah. Ini kerana di sekolah ada golongan kanak-kanak dan golongan remaja. Penyelidik kajian ini nampak akan kepentingan dalam menjalankan kajian tentang sokongan sosial dan ketahanan diri di sekolah menengah kerana remaja- remaja di sekolah juga berpotensi tinggi untuk terdedah dengan gejala-gejala negatif yang memberi kesan yang buruk serta boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Kajian yang dijalankan ini sekurang-kurangnya dapat memberi pendedahan kepada remaja tentang kesan jika seseorang remaja itu terlibat dengan tingkah laku yang negatif. Jika dilihat pada zaman sekarang, remaja yang terlibat dengan gejala sosial adalah berpunca daripada sokongan sosial yang rendah serta ketahanan diri juga berada pada tahap yang rendah. Remaja pada hari ini perlu memperbanyakkan masa bersama dengan keluarga serta memilih kawan yang tidak mendorong ke arah yang negatif kerana kedua-dua golongan ini mampu untuk memberi impak yang besar dalam memacu kita ke arah yang lebih positif dan lebih sejahtera. Penyelidik berharap dengan adanya kajian ini, dijadikan panduan bagi remaja untuk lebih berhati-hati dalam memilih teman atau kawan.

1.8.3 INSTITUSI KEKELUARGAAN

Keluarga merupakan sebuah institusi sosial yang diiktiraf dalam masyarakat serta ia merupakan institusi yang tertua dalam ketamadunan manusia. Keluarga juga merupakan asas kepada kehidupan dalam bermasyarakat. Keluarga ini merangkumi ibu bapa serta adik beradik yang mempunyai pertalian darah yang sah di sisi Islam. Antara kepentingan dalam institusi keluarga ialah saling memerlukan antara satu sama lain serta berkasih sayang. Institusi kekeluargaan merupakan institusi yang sangat-sangat penting dalam membentuk tingkah laku anak-anak ke arah kebaikan. Setiap keluarga mempunyai perbezaan dari sudut cara didiknya dan setiap keluarga mempunyai latar belakang yang berbeza. Walaupun setiap keluarga berbeza dari sudut latar belakang, namun penerapan nilai-nilai murni serta penekanan peraturan dalam keluarga mesti diperkasakan agar dapat melahirkan sebuah keluarga yang bukan sahaja bahagia bahkan dapat membentuk keluarga yang disiplin yang tidak terlibat dengan anasir yang boleh mengucar-ngacirkan kesejahteraan keluarga. Perkara yang perlu dicakna bagi setiap ibu bapa adalah sokongan sosial dan ketahanan diri terhadap anak-anak.

Untuk membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan anak-anak, ibu bapa bukan sahaja hanya memberi kasih sayang bahkan ibu bapa perlu memberi sokongan sosial setiap kali anak-anak berada dalam kesusahan atau berada dalam sesuatu situasi yang mencabar. Selain itu, ibu bapa mesti mengetahui ketahanan diri bagi anak-anak kerana itu antara perkara yang mesti diberi perhatian oleh ibu bapa. Penyelidik berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada institusi keluarga dari sudut sokongan sosial dan ketahanan diri. Justeru itu, pemerkasaan sokongan sosial terhadap ketahanan diri, tidak boleh dipandang enteng oleh ibu bapa kerana ia juga dapat memberi anjakan paradigm terhadap perubahan anak-anak



1.8.4 PERKHIDMATAN KAUNSELING

Perkhidmatan kaunseling merupakan antara perkhidmatan yang amat penting dalam membantu masyarakat dalam menghadapi masalah yang dialami sendiri oleh masyarakat. Perkhidmatan kaunseling ini bukan hanya semata-mata berada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah, bahkan perkhidmatan ini juga berada di semua sektor sama ada sektor kerajaan ataupun sektor swasta. Maka, disebabkan itulah kaunselor merupakan seorang yang mempunyai peranan yang penting dalam membantu kesejahteraan mental dan emosi dalam kalangan masyarakat. Menurut Datuk Dr. Noor Hisham (2020), yang merupakan Ketua Pengarah Kesihatan bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), beliau antara individu yang bertungkus lumus dalam membantu rakyat Malaysia dalam membendung penyakit Covid-19, beliau mengatakan bahawasanya bilangan pegawai psikologi kaunseling dalam negara Malaysia ini masih belum mencukupi dengan nisbah yang jauh daripada nisbah normal iaitu 1:52,000, sedangkan nisbah normal kaunselor kepada individu adalah 1:500.



Perkhidmatan kaunseling merupakan antara perkhidmatan yang penting dalam membantu perkembangan dari sudut sokongan sosial dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Hal ini kerana profesion kaunselor adalah profesion yang sangat signifikan dalam memberi sokongan sosial dan mendedahkan tentang pengurusan ketahanan diri kepada masyarakat amnya. Maka, kajian yang dijalankan ini secara tidak langsung dapat juga memberi pendedahan kepada para bakal kaunselor yang akan berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Penyelidik berharap para bakal kaunselor cakna dengan isu yang berkaitan dengan sokongan sosial dan ketahanan diri kerana kedua-dua isu ini sering berlaku dalam masyarakat dan kaunselor adalah sebagai pemudah cara dalam membantu klien yang terlibat. Jika, dilihat pada zaman sekarang antara golongan yang terlibat adalah dari kalangan remaja sekolah menengah dan pelajar di institusi pengajian tinggi.





1.8.5 PELAJAR UNIVERSITI

Kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik ini sangat penting untuk dijadikan panduan dan rujukan buat para pelajar, lebih-lebih lagi pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di institusi pengajian tinggi sama ada di institusi pengajian tinggi awam ataupun di institusi pengajian tinggi swasta. Jika dilihat pada isu yang disentuh oleh penyelidik dalam kajian ini seperti sokongan sosial dan ketahanan diri, ia sangat berkait rapat dengan tahap psikologikal para pelajar sama ada dari sudut emosi, tingkah laku dan pemikiran pelajar. Fasa belajar di universiti merupakan satu fasa yang sangat mencabar buat para pelajar universiti kerana mereka bukan sahaja menghadapi cabaran dari sudut untuk menyesuaikan diri dengan keadaan universiti, bahkan, mereka juga menghadapi cabaran dari sudut pengurusan mental dan emosi disebabkan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mereka dari semasa ke semasa. Disebabkan itulah, pentingnya seseorang pelajar universiti itu mengetahui sejauh mana ketahanan dirinya dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan sebagai seorang pelajar universiti.



Jika dilihat pada isu semasa yang baru sahaja berlaku pada tahun 2020, berlakunya satu isu yang sangat dahsyat yang mana ia memberi impak yang besar kepada satu dunia iaitu isu pandemik Covid-19. Isu ini bukan sahaja memberi kesan kepada sektor ekonomi dunia, bahkan juga memberi kesan kepada sektor pendidikan. Jika dilihat dengan lebih spesifik mengikut sudut pandang penyelidik dalam kajian ini, antara yang terkesan dengan pandemik ini adalah daripada kalangan pelajar universiti. Di Malaysia, bukan sahaja memberi kesan kepada pekerja yang berkhidmat di sektor swasta, bahkan, juga memberi kesan kepada pelajar universiti yang sedang menyambungkan pelajaran mereka di universiti. Pada awal fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), para pelajar universiti menghadapi cabaran dari sudut menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu ataupun *new norms*. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap pengurusan mental dan emosi para pelajar universiti.



1.9 PEMBOLEH UBAH

Dalam bahagian ini penyelidik mengemukakan kepada dua bentuk definisi iaitu konseptual dan operasional kepada umum dan khusus yang merangkumi maksud Hubungan antara sokongan sosial dengan ketahanan Diri dalam Kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Definisi konseptual di peringkat umum penyelidik mengemukakan kepada keseluruhan, manakala pada definisi operasional di peringkat khusus, penyelidik menjelaskan kepada lebih jelas, terperinci atau mendalam terhadap kajian yang dilaksanakan.

1.9.1 SOKONGAN SOSIAL

1.9.1.1 DEFINISI KONSEPTUAL

Perkataan ‘sokongan’ adalah kata terbitan daripada perkataan ‘sokong’ yang mana perkataan ‘sokong’ adalah kata dasar kepada perkataan ‘sokongan’. Menurut Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua (2010), maksud sokongan adalah apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau pertolongan. Manakala, sosial pula bermaksud segala hal yang berkaitan dengan masyarakat atau kemasyarakatan. Apabila digabungkan perkataan ‘sokongan’ dengan perkataan ‘sosial’. Contohnya, seorang lelaki memberi sokongan kepada kawannya dengan sokongan motivasi yang mantap agar kawannya tidak berputus asa dalam mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dan contoh yang lain pula adalah ibu bapa memberikan sokongan sosial kepada anak yang sedang menghadapi tekanan dalam meneruskan pengajian di universiti.



1.9.1.2 DEFINISI OPERASIONAL

Menurut Smith dan Zhang (2009) dalam kajian Zaiton Mohamad dan Balan Rathakrishnan, (2014), sokongan sosial adalah bantuan dari segi emosi, kewangan, persekitaran dan sebagainya daripada orang-orang terdekat dan dipercayai. Berdasarkan daripada kenyataan ini, jelas sokongan sosial itu sangat penting dalam memberi bantuan atau pertolongan kepada seseorang itu, lebih-lebih lagi terhadap kanak-kanak dan remaja kerana sokongan sosial juga antara elemen penting untuk seseorang itu meneruskan kehidupan. Selain itu, sokongan sosial juga memberi kesan terhadap kesihatan mental seseorang. Sokongan sosial dalam konteks kajian ini melibatkan dua pihak iaitu keluarga dan rakan sebaya. Kedua-dua pihak ini mempunyai peranan yang besar dalam memberi sokongan sosial terhadap seseorang individu agar individu tersebut tidak terlibat dalam kancas negatif yang boleh memberi kesan terhadap tingkah laku. Penglibatan ibu bapa dan rakan sebaya dalam sokongan sosial adalah pengaruh yang sangat penting ke atas kesejahteraan psikologi dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik adalah bertujuan untuk melihat dari sudut sokongan teman dan sokongan keluarga terhadap pelajar semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling di universiti awam.





1.9.2 KETAHANAN DIRI

1.9.2.1 DEFINISI KONSEPTUAL

Ketahanan adalah kata terbitan kepada perkataan ‘tahan’. Menurut Kamus Dewan Edisi yang Keempat (2010), ketahanan membawa maksud tidak berubah keadaannya. Contohnya, Abu mempunyai ketahanan diri yang kuat walaupun banyak anasir negatif yang boleh menariknya ke dalam kancang yang negatif. Abu tetap tidak berubah keadaannya. Contoh yang lain, Ali merupakan seorang pelajar universiti, walaupun pada mula-mula kemasukannya universiti tersebut mengalami kejutan budaya, namun Ali boleh mengawal rasa kejutan budaya serta menghadapinya dengan penuh kesabaran dan tabah kerana Ali mempunyai ketahanan diri yang tinggi.



1.9.2.2 DEFINISI OPERASIONAL

Menurut Oswald, Johnson, dan Howard (2003) dalam kajian (Salmi Osman et al., 2015) menyatakan bahawa ketahanan diri adalah keupayaan seseorang itu dalam mengatasi kelemahan yang ada pada peribadi dan tekanan yang berada disekelilingnya serta mempunyai keupayaan untuk bangkit semula (*bounce back*) dalam menempuhi risiko dan mengekalkan kesejahteraan diri. Berdasarkan daripada kenyataan in, ketahanan diri juga antara elemen yang penting bagi seseorang itu dalam menempuhi kehidupan yang penuh dengan cabaran. Ketahanan diri juga antara perkara asas yang perlu ada pada diri individu seseorang kerana tanpa ketahanan diri yang kukuh akan mengganggu kelancaran dalam menjalani kehidupan. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah dilihat dari sudut kekuatan diri, mengurus diri, emosi dan optimis terhadap pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Keempat-empat aspek ini penting dalam mengetahui sejauh ketahanan diri bagi





seseorang individu. Kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada mahasiswa dan mahasiswi di universiti, maka dilihat sejauh mana ketahanan diri bagi seseorang mahasiswa/wi yang sedang menuntut ilmu di universiti.

1.9.3 PELAJAR

1.9.3.1 DEFINISI KONSEPTUAL

Menurut Kamus Pelajar Edisi yang Kedua (2010), belajar membawa maksud berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau kepandaian. Maka, pelajar itu merujuk kepada seseorang yang sedang belajar dalam sesuatu bidang yang diminati atau seseorang yang berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan atau kepandaian. Pelajar merupakan seorang penuntut ilmu yang menelusuri ilmu yang melanjutkan seseorang daripada satu peringkat pelajaran kepada suatu peringkat tertentu. Contohnya, Ahmad merupakan seorang pelajar sekolah menengah dan apabila telah tamat pengajiannya di sekolah menengah, dia melanjutkan pelajarannya untuk menyambung ke peringkat yang seterusnya iaitu peringkat diploma di Institusi Pengajian Tinggi Awam.





1.9.3.2 DEFINISI OPERASIONAL

Berdasarkan penelitian penyelidik dalam kajian ini, Kebanyakan pelajar yang menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi ini adalah pelajar yang berlatar belakang daripada diploma, STPM dan STAM. Dalam kalangan pelajar yang menyambung pengajian di institusi ini, ada di kalangan mereka yang tinggal di luar bandar ada di kalangan mereka yang tinggal di bandar.

Jika dilihat dari sudut sokongan sosial dan ketahanan diri terhadap pelajar yang tinggal di bandar, mempunyai banyak perbezaan dengan pelajar yang tinggal di luar bandar kerana berbeza dari sudut budaya, tempat, cara berfikir dan lain-lain. Apabila berbeza dari sudut budaya, tempat, cara berfikir, cara didikan dan lain-lain, maka sedikit sebanyak mempengaruhi juga terhadap sokongan sosial dan ketahanan diri dalam kalangan pelajar. Pelajar yang tinggal di kawasan bandar, kebiasaannya akan menghadapi cabaran yang lebih kerana kebanyakan kes gejala sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar, banyak berlaku di kawasan bandar. Adapun, kes gejala sosial tidak banyak berlaku kepada pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar.



1.10 SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam. Bersesuaian dengan objektif kajian yang telah dibina oleh penyelidik ini, ia berfokus kepada hubungan antara sokongan sosial dengan tahap ketahanan diri dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam. Seramai 55 orang responden yang telah terlibat dalam kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian) di Universiti Awam, iaitu seramai 35 orang adalah mahasiswi dan seramai 20 orang adalah mahasiswa.

Seterusnya, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua atau seluruh pelajar di Universiti Awam kerana penyelidik memerlukan kepada kos yang tinggi untuk menjalankan kajian kepada semua pelajar. Oleh sebab itu, penyelidik hanya terhadkan kepada jumlah pelajar yang tertentu untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Selain itu, data yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini tertakluk kepada ketulusan dan keikhlasan para responden semasa menjawab soal selidik yang diberikan oleh penyelidik kajian ini.

Justeru itu, penyelidik meramalkan bahawa kesemua maklumat, data dan jawapan yang diisi oleh responden adalah secara telus dan ikhlas. Penyelidik juga menghadapi kesukaran untuk mencari sumber-sumber daripada kajian lepas berkaitan dengan sokongan sosial kerana kajian berkaitan sokongan sosial tidak banyak dilakukan dalam kalangan pelajar sekolah. Penyelidik juga menghadapi kesukaran dalam mengumpul data daripada responden apabila tempoh Perintah Kawalan Pergerakan telah dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia untuk memutuskan rantai Covid-19 yang sedang menular di seluruh dunia. Keadaan ini secara tidak langsung merencatkan proses untuk penyelidik dalam mengumpul data atau maklumat daripada responden.



1.11 RUMUSAN BAB

Di akhir bab ini, penyelidik mengemukakan penggunaan teori yang bersesuaian dengan tajuk kajian dan mendapati teori tersebut amat sesuai dengan tajuk Hubungan antara sokongan sosial dan ketahanan Diri Dalam Kalangan pelajar Semester 1 dan 2 Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian), yang mana ia digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini tajuk utama bagi kajian ini. Berdasarkan perbincangan bab ini, jelas menunjukkan bahawa sokongan sosial memberi kesan serta mempengaruhi ketahanan diri dalam kalangan pelajar universiti. Ini dilihat pada dua elemen yang ada pada sokongan sosial iaitu sokongan keluarga dan sokongan teman. Selain itu, dalam ketahanan diri juga terdiri daripada empat elemen iaitu kekuatan diri, mengurus diri, emosi dan optimis. Semua perkara yang disebutkan ini penting untuk dilihat untuk mengetahui kestabilan dari sudut kesihatan mental. Apabila stabil dari sudut kesihatan mental, maka akan mendorong seseorang bertindak laku positif dan apabila tidak stabil dari sudut kesihatan mental, maka ia akan mendorong seseorang itu untuk bertindak laku dengan tingkah yang tidak sepatutnya.

